

## OPERASI PULIH DILANJUTKAN SEHINGGA 31 OKTOBER 2021 *OPERASI PULIH EXTENDED UNTIL 31ST OCT 2021*

Dengan langkah-langkah pengawalan 'Operasi Pulih' dilanjutkan dari Isnin, 18 hingga 31 Oktober, semua kakitangan dan rakan sekerja Nexus diingatkan supaya mematuhi langkah-langkah kawalan dan kekal di kediaman masing-masing dari jam 8 malam hingga 4 pagi. Pekerja barisan hadapan yang kritikal adalah dikecualikan. Bagi Nexus, hanya kakitangan keselamatan yang bertugas sahaja yang telah mendapat surat kebenaran terlebih awal. Sementara itu, denda kompaun bagi sebarang pelanggaran telah dinaikkan sejak 13 Oktober daripada \$100 kepada \$500 bagi setiap kesalahan. Denda kompaun tambahan sebanyak \$500 akan dikenakan ke atas syarikat, yang pekerjanya didapati telah melanggar perintah tersebut.

*With the enhanced control measures 'Operasi Pulih' extended from Monday, 18th to 31st October, all Nexus staff and associates are reminded to abide by the control measures and remain at their respective residences from 8pm to 4am. Critical frontline workers are the exception. In the case of Nexus, only security staff have been given the clearance to work and change shifts during the restricted hours. The compound fine for any violation has been increased since 13th October from \$100 to \$500 for each offence. An additional compound fine of \$500 dollars will be imposed on companies, whose employees are found to have violated the order.*



Kakitangan keselamatan kitani bertugas di dua lokasi, Kompleks Annajat dan Berakas secara bergilir-gilir dari 8 pagi - 5 petang, 5 petang – 12 malam dan dari 12 malam - 8 pagi berikutnya. Mereka diberikan surat kebenaran yang disahkan oleh pihak polis untuk melakukan pertukaran syif semasa waktu kawalan tersebut

*Our security staff work on shift with rotations from 8am – 5pm, 5pm-midnight and from midnight to 8am the following day. They are issued with letters endorsed by the police for shift change during the restricted hours*

# NEXUS RAI'KAN SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM

## NEXUS COMMEMORATES THE BIRTHDAY OF PROPHET MUHAMMAD (PEACE AND BLESSINGS OF ALLAH BE UPON HIM)



Sebagai umat Islam, kita diajar untuk mencintai Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tetapi adakah kita tahu betapa Nabi mencintai kita? Baginda mempunyai rasa cinta yang besar dan penuh keprihatinan terhadap umatnya dengan berdoa semoga di hari Kiamat nanti, Allah Subhanahu Wata'ala akan menyediakan umatnya dengan syurga Firdaus. Itulah intipati ceramah oleh Ustazah Siti Hanisah binti Hj Othman, Pegawai Pelajaran di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan pengasas bersama Mihrab dalam sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan secara maya pada hari Isnin, 18 Oktober 2021. Hampir 70 kakitangan dan rakan sekerja mengambil bahagian dalam majlis tersebut yang diserikan lagi dengan persembahan Dikir Marhaban yang diketuai oleh Haji Erifin bin Hj Mohd Yusof dan Md Shahrizam bin Haji Roslan.



Ustazah Siti Hanisah binti Hj Othman



*As Muslims, we are taught to love our Prophet Muhammad (Peace and Blessings of Allah be Upon Him) but do we know how much the Prophet loved us? He had an immense amount of love and full of concern for his ummah that he prayed on the Day of Judgement, hoping that Allah Subhanahu Wata'ala would honour his ummah with Paradise. That was the essence of a talk by Ustazah Siti Hanisah binti Hj Othman, Education Officer at Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah and co-founder of Mihrab during a virtual event to commemorate the birthday of Prophet Muhammad (Peace and Blessings of Allah be Upon Him) held on Monday, 18th October 2021. Nearly 70 staff and associates participated in the event, which was highlighted by Dikir Marhaban led by Haji Erifin bin Hj Mohd Yusof and Md Shahrizam bin Haji Roslan.*



Sebahagian kakitangan dan rakan sekerja yang menyertai sambutan tersebut secara maya  
*Some of the staff and associates participating in the virtual event*



Md Shahrudin bin Haji Roslan dan Haji Erifin bin Hj Mohd Yusof ketika membuat persembahan Dikir Marhaban  
*Md Shahrudin bin Haji Roslan and Haji Erifin bin Hj Mohd Yusof reciting the Dikir Marhaban*

## SESI TEH TARIK DITERUSKAN SECARA MAYA TEH TARIK SESSION CONTINUES VIRTUALLY



Sesi Teh Tarik sedang berlangsung  
*The Teh Tarik session in progress*

6 lagi kakitangan dan rakan sekerja menyertai sesi Teh Tarik secara maya dalam usaha berterusan pihak pengurusan untuk mendekati mereka disamping mengongsikan inisiatif yang dilaksanakan oleh syarikat. Dalam sesi tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Nexus, Hajah Nor Azura binti Haji Mohd Tahir dan pengarah-pengarah syarikat juga menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh para peserta termasuk mengenai program-program peningkatan kemahiran, pembangunan perniagaan serta keusahawanan.

*Six staff/associates participated in the virtual Teh Tarik session this week in an ongoing effort by the management to reach out and share with them, the company's current and future initiatives. During the session, Nexus CEO Hajah Nor Azura binti Haji Mohd Tahir and the directors also answered questions raised by the participants regarding the upskilling and reskilling as well as business development and entrepreneurship programmes.*



# *Salam Maulidur Rasul*

12 Rabiulawal 1443H bersamaan 19 Oktober 2021M

Ikhlas Daripada

**PIHAK PENGURUSAN DAN RAKAN SEKERJA**



**COVID  
-19**



# CALLING FOR VOLUNTEERS

TO HELP THE MINISTRY OF HEALTH TO DO  
CONTACT TRACING IN MOH & BRIDEX

**SIGN UP TODAY!**



To register, please email your:  
**“EMPLOYEE ID, FULL NAME, DIVISION AND  
NAME OF SUPERVISOR”**  
and email to [fathullah.taib@nexus.com.bn](mailto:fathullah.taib@nexus.com.bn) or  
[Syafiqah.johan@nexus.com.bn](mailto:Syafiqah.johan@nexus.com.bn)

**BECOME A VOLUNTEER, CHANGE A LIFE**

Note: Final selection will depend on MOH

*“Together we can do this”*

#stayathome